



09-00106

ISHAK SAAT

# PENDIDIKAN NEGARA BANGSA MALAYSIA



**M**  
**379.595**  
**ISH**



09-00106

# PENDIDIKAN NEGARA BANGSA MALAYSIA


ISHAK SAAT

M  
379.595  
194

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA	
<input type="checkbox"/> KN <input type="checkbox"/> U <input type="checkbox"/> S <input checked="" type="checkbox"/> Perkhidmatan	
Tarikh Terima:	18/1/09
Tarikh siap didaftar:	19.1.2009
Tarikh siap didokumentasi:	23/09
Tarikh disusun atas rak:	17 MAR 2009
01554093	



KARISMA PUBLICATIONS SDN. BHD.  
(519631-P)  
SHAH ALAM  
2009



**KARISMA PUBLICATIONS SDN. BHD. (519631-P)**

No 19, Jalan Juruanalisis UI/35,  
Hicom-Glenmarie Industrial Park,  
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5569 2430/31/35

Faks: 603-5569 4322

E-mel: karismap@hotmail.com

Web: www.karisma.com.my

© KARISMA PUBLICATIONS SDN. BHD. (519631-P) 2009

Pertama kali diterbitkan 2009

**ISBN 978 983 195 415 7**

Semua hak terpelihara, Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Karisma Publications Sdn. Bhd. (519631-P).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Ishak Saat, 1964-

Pendidikan negara bangsa Malaysia / Ishak Saat.

Bibliografi ms. 300.

ISBN 978-983-195-415-7

1. Education and state--Malaysia. 2. Malaysia--History. I. Judul.  
379.595

*Teks diset dengan*

Palatino Linotype 11/13.8 pt

*Dicetak di Malaysia oleh*

Karisma Production Sdn. Bhd. (490671-X)

No 19, Jalan Juruanalisis UI/35,

Hicom-Glenmarie Industrial Park,

40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

# PRAKATA

Usaha untuk menghasilkan buku berjudul *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia* ini harus dipuji kerana ia merupakan salah satu usaha murni bagi menambahkan khazanah ilmu di negara ini.

Pembentukan sebuah negara berdaulat dan merdeka memerlukan satu proses yang berterusan dan konsisten. Malaysia yang ada hari ini merupakan sebuah negara bangsa yang telah melalui satu proses pendidikan negara bangsa yang cukup unik dan tersendiri.

Buku ini cuba mendedahkan proses pembentukan dan pendidikan yang pernah dilalui oleh masyarakat tempatan dan imigran yang akhirnya melahirkan sebuah negara yang boleh membanggakan bagi seluruh warganegara Malaysia. Warganegara Malaysia hari ini yang setia mesti berasa bertanggungjawab untuk memastikan proses pembentukan negara bangsa Malaysia berada pada landasan yang betul.

Lantaran itu peranan para pensyarah, siswa dan siswi, guru dan bakal guru serta juga seluruh rakyat Malaysia mesti menghayati peranan dan tanggungjawab masing-masing demi untuk memastikan berperanan dalam menyumbang ke arah pembentukan ini. Ianya amat penting untuk meletakkan Malaysia pada tahap yang boleh dibanggakan bukan sahaja oleh rakyat Malaysia tetapi juga masyarakat antarabangsa.

Justeru itu buku ini cuba menyingkap dan menggambarkan sejarah perjalanan Tanah Melayu sejak awal sehinggalah terbentuknya Malaysia. Juga tidak ketinggalan untuk memberikan kesedaran kepada seluruh masyarakat berbilang kaum di negara ini tentang betapa pentingnya menghargai jasa dan sumbangan mereka yang terdahulu yang telah berperanan untuk melahirkan Malaysia hari ini. Juga menanamkan kesedaran dan keilmuan agar menghargai warisan negara yang dimiliki oleh Malaysia.

Malah dalam buku ini juga penulis cuba menanamkan kesedaran kepada seluruh pembaca agar bertanggungjawab menjaga keamanan dan kemakmuran serta perpaduan antara kaum agar keharmonian antara kaum terpelihara sepanjang masa. Bagi merealisasikan perpaduan dan pengekalan keharmonian ini, seluruh warga Malaysia mesti mempelajari dan menghayati sejarah yang pernah dilalui oleh Malaysia. Inilah yang dikatakan 'Sejarah Mengajar Erti Kedewasaan'.

Buku *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia* adalah sesuai untuk tatapan siswa dan siswi IPTA dan IPTS, bakal-bakal guru di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), kolej-kolej pendidikan dan profesional serta seluruh rakyat Malaysia. Ia bersesuaian bagi mereka yang ingin mempelajari subjek-subjek yang berkaitan dengan Sejarah, Sains Politik, Komunikasi, Perhubungan Awam, Pengajian Media, Hubungan Etnik, Pengajian Am dan juga Pengajian Malaysia.

Sekian.

**Profesor Madya Omar bin Majid**  
Dekan  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia

# PENDAHULUAN

Malaysia miliki sejarah yang cukup unik dan tersendiri. Sebuah negara yang melalui pelbagai liku perjalanan yang cukup mencabar dan tercabar. Dari sebuah negara berdaulat dengan Pertuanan Melayu menjadi tonggak pemerintahan di alam Melayu. Pernah tercatat dalam sejarahnya sebagai sebuah Pertuanan Melayu yang menguasai hampir keseluruhan Nusantara. Kemakmuran dan perpaduan yang cukup terbilang sehingga menjadi perhatian dunia antarabangsa. Khususnya Kesultanan Melayu Melaka yang terkenal sebagai sebuah empayar Melayu terbilang dengan kemakmuran dan kesejahteraan. Malah ia turut menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa sebagai Pusat Perdagangan Antarabangsa, Pusat Penyebaran Agama Islam, Pusat Kesusasteraan Melayu dan Pusat Perkembangan Ilmu. Dengan bahasa Melayu sebagai sebuah bahasa lingua franca yang cukup penting. Dengan kecemerlangan yang nikmat maka ia menjadi perhatian dunia Barat sehinggakan mereka berusaha menjadikan Tanah Melayu salah target untuk dikuasai dan dijajah. Dengan strategi yang dirancang cukup rapi dan ditambah dengan masalah dalaman yang sedang dihadapi oleh pihak berkuasa tempatan maka dengan mudah Tanah Melayu akhirnya dijajah dan terjajah. Penjajah yang silih berganti akhirnya memamatkan Tanah Melayu dalam proses pembentukan Negara Bangsa yang terbilang.

Tanggal 31 Ogos 1957, memulakan titik tolak ke arah pembinaan sebuah negara yang lebih gemilang, cemerlang dan terbilang. Melalui proses perjuangan kemerdekaan yang cukup unik akhirnya Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Setelah memasuki zaman kemerdekaan tidak kurang juga rintangan dan cabaran yang terpaksa dihadapi dalam proses untuk merealisasikan Malaysia hari ini. Dengan ancaman komunis yang berpanjangan khususnya sebelum dan selepas merdeka, akhirnya tanah Melayu terbina sebagai sebuah negara bangsa Malaysia yang cukup membanggakan. Melalui pentadbiran yang cekap dan berkarisma seperti Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Muhammad serta Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Malaysia berdiri cukup megah dan ternama di persada antarabangsa.

Pembinaan Negara Bangsa Malaysia merupakan satu proses berterusan yang mesti dilihat dan dicorakkan secara konsisten oleh semua pihak khususnya kerajaan dan rakyat. Bagi memastikan pembinaan negara bangsa Malaysia tidak lari daripada landasan sepatutnya maka pembinaan modal insan mestilah diperhebatkan. Malaysia akan terus gemilang, cemerlang dan terbilang sekiranya pembentukan pembangunan Malaysia seimbang dengan pembentukan kerohanian dan moral yang tinggi di kalangan seluruh masyarakat. Dengan memastikan keseimbangan ini, Malaysia akan gah di persada antarabangsa.

Dr. Ishak Saat  
Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia.  
31 Ogos 2008

# KANDUNGAN

---

<i>Prakata</i>	<i>iii</i>	
<i>Pendahuluan</i>	<i>v</i>	
<b>BAB 1</b>	<b>PEMBINAAN INSAN, WARGA DAN NEGARA</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pembinaan Insan	2
1.3	Pembinaan Warga	11
1.4	Pembinaan Negara bangsa	13
1.5	Kesimpulan	16
<b>BAB 2</b>	<b>KEUNIKAN NEGARA</b>	<b>18</b>
2.1	Pendahuluan	18
2.2	Sejarah Kemerdekaan dan Pembentukan Negara Malaysia	19
2.3	Warisan Negara	39
2.4	Kesultanan Melayu	58
2.5	Artifak	153
2.6	Perkembangan Ekonomi Negara	172
2.7	Kesimpulan	188
<b>BAB 3</b>	<b>PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL</b>	<b>190</b>
3.1	Pendahuluan	190
3.2	Konsep Masyarakat Majmuk	193
3.3	Hubungan Antara Kaum	194

3.4	Sejarah Hubungan Antara Kaum	196
3.5	Masalah Integrasi Nasional	199
3.6	Usaha ke arah Perpaduan dan Integrasi Nasional	201
3.7	Asas Perpaduan Kaum di Malaysia	203
3.8	Strategi Pembangunan Diri dan Langkah-Langkahnya	206
3.9	Kaedah Mencapai Integrasi Nasional	208
3.10	Isu-Isu Perpaduan Dan Integrasi Nasional	210
3.11	Usaha-Usaha Ke Arah Memupuk Perpaduan Nasional	212
<b>BAB 4</b>	<b>KEDAULATAN NEGARA</b>	
4.1	Pendahuluan	213
4.2	Kebijakbestarian Mengurus dan Memelihara Kedaulatan Negara dari Ancaman Luar	215
4.3	Penglibatan, Sumbangan dan Pengiktirafan Negara di Arena Antarabangsa	230
<b>BAB 5</b>	<b>HALATUJU NEGARA</b>	249
5.1	Wawasan 2020	249
5.2	Pelan Induk Pendidikan Pembangunan	259
5.3	Modal Insan	262
<b>BAB 6</b>	<b>PROFESION KEGURUAN DAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA</b>	279
6.1	Guru Berkualiti	279
6.2	Profesion Keguruan	280
6.3	Martabat Profesion Keguruan	281
6.4	Memiliki Ciri-Ciri Guru Berkualiti	281
6.5	Kualiti Peribadi	284
6.6	Teras Etika	293
6.7	Kesimpulan	296
<b>RUMUSAN</b>		298
<b>BIBLIOGRAFI</b>		300